



23 JUL, 2021

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Susulan tular video penjual di Larut bimbang durian tak laku

Oleh SAIFULLAH AHMAD

LARUT

Panik dua tan durian tidak terjual, seorang peniaga bertindak menularkan video di media sosial untuk menarik simpati orang ramai termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peniaga tersebut, Mohd Firdaus Endut, 41, berkata, video itu dirakam secara spontan di geraiinya di Ijok di sini pada Isnin sebelum tular beberapa hari.

Menurutnya, video yang tular itu berjaya menarik perhatian Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan pihak FAMA yang

membantu menyelesaikan masalah tersebut.

“Video itu sebenarnya tidak berniat untuk menyalahkan sesiapa termasuk FAMA, tetapi apa yang berlaku itu spontan sebab saya ketika itu dalam keadaan tertekan, buah banyak tak boleh jual.

“Lambakan durian berlaku ketika itu dengan kira-kira dua tan buah tidak boleh dijual kerana pemborong tak ambil sebab Hari Raya Aidiladha,” katanya kepada pemberita selepas ditemui di premisnya di Ijok di sini pada Khamis.

Mohd Firdaus turut mengakui dakwaan bahawa FAMA tidak mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi dalam video tular itu tidak tepat dan menghargai tindakan pantas FAMA membeli buah duriannya.

Katanya, sebelum ini terdapat pemborong dari Kelantan dan Terengganu yang mengambil buah durian itu, namun disebabkan keangan hari raya serta buah durian



Mohd Firdaus (kiri) memberi penerangan kepada Razman (tengah) mengenai isu durian yang tular sebelum ini di premis jualannya di Ijok, Larut pada Khamis.

yang luruh serentak mengakibatkan lambakan tersebut berlaku.

Menurutnya, ketika ini harga durian kampung di peringkat peraih adalah antara RM2.50 hingga RM3.50 sekilogram kerana jumlah

durian yang luruh semakin banyak.

Sementara itu, Razman yang turun padang melihat keadaan itu menegaskan bahawa FAMA sentiasa proaktif dalam memastikan tidak berlaku lambakan buah

durian bagi membantu pekebun dan peraih.

Menurutnya, sebanyak tiga tan durian milik Mohd Firdaus diambil oleh FAMA untuk dipasarkan ke Kedah, Selangor dan Perak.

“Kita harap petani boleh terus berhubung dengan FAMA atau pejabat saya jika berlaku masalah lambakan durian. Tak perlulah buat video dan tularan untuk selesaikan masalah.

“Keadaan ini sebenarnya berlaku disebabkan pemborong dan peniaga tidak dapat mengambil durian disebabkan hari raya. Kedai-kedai juga banyak yang tutup,” katanya.

Menurutnya, lambakan yang berlaku tidaklah begitu besar dan dakwaan FAMA tidak membantu petani juga tidak tepat.

Beberapa hari lalu, video berdurasi 2 minit 22 saat itu tular di media sosial berkenaan berlaku lambakan durian dengan mendakwa FAMA tidak mengambil tahu keadaan tersebut.



23 JUL, 2021

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Susunan tular video penjual di Larut bimbang durian tak laku

Panik dua tan durian tidak terjual, seorang peniaga bertindak menularkan video di media sosial untuk menarik simpati orang ramai termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peniaga tersebut, Mohd Firdaus Endut, 41, berkata, video itu dirakam secara spontan di gerainya di Ijok di sini pada Isnin sebelum tular beberapa hari.